



PENGURUSAN PEMANTAUAN KERATAN AKHBAR MBSJ
TARIKH: 29 FEBRUARI 2024 (KHAMIS)

MEDIA ELEKTRONIK (AKHBAR ONLINE / TELEVISYEN / RADIO)

BIL	AKHBAR	TAJUK
1.	THE STAR	• ONE ADMIN SYSTEM FOR FOUR CITIES
2.	SINAR HARIAN	• SELANGOR CATAT PENYELESAIAN PROJEK TERTINGGI – AMIRUDIN
3.	SELANGORKINI	• EMPAT PBT SELANGOR TERBAIK, CAPAI TARAF LIMA BINTANG MUTU BAHASA MELAYU

MEDIA CETAK (AKHBAR / MAJALAH)

BIL	AKHBAR	TAJUK
1.	THE STAR	• ONE ADMIN SYSTEM FOR FOUR CITIES • ROARING DRAGON MUSICAL FINALE AT USJ 1 MALL

LAIN-LAIN PBT

BIL	AKHBAR	PBT	TAJUK
1.	SINAR HARIAN	MBDK	• RUMAH DIJADIKAN PUSAT RAWATAN IBU BERSALIN DISERBU MBDK
		MPS	• MPS PBT KEDUA DI SELANGOR LANJUT KONTRAK PEMBERSIHAN KDEBWM
		DBKL	• DBKL ROBOH STRUKTUR IKLAN HARAM
2.	KOSMO	MBSA	• BAZAR RAMADAN MBSA NAIK RM50

UMUM

BIL	AKHBAR	TAJUK
1.	THE STAR	• S'GOR VILLAGE HEAD RECOGNISED FOR COMMUNITY SERVICE • RM34mil FOR FLOOD MITIGATION WORKS AT TWO RIVERS IN KUALA LANGAT • NEW TAX REGIME KICKS IN TOMORROW
2.	SINAR HARIAN	• KEKALKAN KEISTIMEWAAN PENJAWAT AWAM TERIMA RAWATAN DI IJN • KENAIKAN SST DIJANGKA RAIH HASIL TAMBAHAN RM3 BILION • AIR TERAWAT TIDAK DIKENAKAN SST
3.	KOSMO	• KWSP DIJANGKA UMUM DIVIDEN AHAD INI • 588 KANAK-KANAK DI SELANGOR TERLIBAT KESALAHAN JENAYAH
4.	HARIAN METRO	• DIVIDEN KWSP DIJANGKA CAPAI KADAR 5.4%, 5.0% • SELANGOR CATAT 588 KANAK-KANAK TERBABIT KES JENAYAH
5.	BERITA HARIAN	• KWSP UMUM KADAR DIVIDEN 2023 AHAD INI • RINGGIT BUKAN BERADA DALAM KRISIS BERBANDING KEJATUHAN 1998
6.	UTUSAN MALAYSIA	• PAKAR JANGKA DIVIDEN 2023 KWSP SETINGGI 6.5 PERATUS • TEMPOH BERTENANG SEBELUM LAKSANA SKIM TANPA PENCEN • KAJIAN SKIM SARAAN PERLU AMBIL KIRA SEMUA ASPEK • SST: KERAJAAN BINCANG CADANGAN KECUALIKAN BIL AIR, ELEKTRIK
7.	NEW STRAITS TIMES	• ROYAL REPRIMAND • DON'T DEFER DENGUE TREATMENT

One admin system for four cities



FOUR cities in Selangor will come under Klang Raya Valley, says Mentri Besar Datuk Seri Amirudin Shari.

He said the Klang Raya Valley Enactment would create an administrative system for the four city councils.

They are Shah Alam City Council (MBSA), Petaling Jaya City Council (MBPJ), Subang Jaya City Council (MBSJ) and Klang Royal City Council (MBDK).

"The creation of an administrative system is aimed at improving matters related to the quality of local authority services, public transport, rejuvenation of existing residential and commercial areas and to better address the issue of leasehold land.

"It will standardise business and development processes, reduce bureaucracy and make life easier for the people.

"It was initiated to attract investment in new industries based on digitisation, so that Klang Raya Valley is resilient in facing climate change and becomes sustainable and liveable," Amirudin said at the Selangor State Assembly sitting in Shah Alam.

He said the implementation year of 2024 was in line with First Selangor Plan (RS-1) from 2021 to 2025, which listed 262 projects, programmes and initiatives designed to cover four main core areas – economic strengthening, improving well-being and social inclusion, driving sustainability as well as smart and effective governance.

"All these initiatives have been examined to ensure their implementation is in line with the development goals of RS-1."

Amirudin said the development of three new economic regions in RS-1 – Integrated Development Region in South Selangor (Idriss), Sabak Bernam Development Area (Sabda) in North Selangor and Selangor Maritime Gateway (SMG) along Sungai Klang – had put Selangor in a strong position, attracting investment commitments of RM29.1bil to date.

"Idriss specialises in developments in Sepang and Kuala Langat districts covering 20,000ha, with an estimated gross development value (GDV) of RM1tril with several mega projects," he added.

"These include Pulau Carey Special Economic Zone involving between 4,046.8ha and 5,260ha of land for the development of a logistics hub and NCT Smart Industrial Park, which focuses on the manufacturing sector."

Amirudin said the state government only offered non-financial incentives such as facilitating the coordination of development approvals and other assistance required through Invest Selangor.

"Financial incentives are only offered by Federal Government.

"The state government also has Selangor Lab Partnership Programme, which is an initiative to help industry players reduce costs for research and product development by utilising existing facilities and expertise in academic institutions."

Amirudin said the development of Pulau Carey's deep-sea port was still in the preliminary stage.

Port Klang Authority (LPK) had completed feasibility studies while Transport Ministry had given its approval, he said.

"Selangor government is committed to working together with Transport Ministry on the development of Pulau Carey as a project under Idriss."

Replying to Rajiv Rishyakaran (PH-Bukit Gasing) on the status of the third port, Amirudin said Selangor government through Menteri Besar Incorporated had begun discussions with land owners to explore development around the port area.

It was reported that a third port was necessary as Northport and Westport in Port Klang had almost reached maximum capacity.

THE STAR ONLINE
TARIKH: 29 FEBRUARI 2024

Selangor catat penyelesaian projek tertinggi – Amirudin

Oleh MOHD IZZATUL IZUAN TAHIR [Follow](#) 28 Februari 2024 12:12pm Masa membaca: 4 minit



Amirudin menjawab pertanyaan semasa Sidang DUN Selangor pada Rabu.

SHAH ALAM - Kerajaan negeri Selangor merupakan antara negeri yang mencatatkan penyelesaian projek tertinggi pada kadar 99.6 peratus.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, peratusan itu diperoleh hasil daripada laporan pelaksanaan di bawah Rolling Plan Ketiga (RP3) Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12).

"Ini adalah pencapaian baik oleh pihak kerajaan negeri dan mengekalkan momentum tersebut dengan mengurangkan beberapa aspek-aspek seperti ketirisan, lambat siap atau pun lambat tugas termasuk pemilihan kontraktor bagi projek-projek ekonomi yang telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan negeri," katanya.

Beliau berkata demikian semasa menjawab soalan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pelabuhan Klang, Azmizam Zaman Huri pada Sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Selangor di Bangunan DUN Selangor pada Rabu.

Amirudin memberitahu, beberapa garis panduan telah disiapkan kerajaan negeri termasuk projek-projek yang telah disenaraikan dalam Rancangan Selangor Pertama (RS-1).

"RS-1 akan diteliti satu persatu dan akan dilaksanakan mengikut pelan-pelan yang telah ditetapkan," ujar beliau.

Terdahulu Azmizam bertanya kepada Amirudin mengenai pelan kerajaan negeri meningkatkan pembangunan ekonomi di negeri Selangor.

Amirudin dalam jawapannya memberitahu, kerajaan negeri Selangor mengambil kira perkembangan semasa termasuk hal berkaitan dengan geopolitik serantau dan juga dunia.

Katanya, hal itu penting bagi memastikan kedudukan ekonomi dan juga pencapaian ekonomi di Selangor terus mampu untuk memberikan impak dan kesan besar kepada pertumbuhan negara sebagaimana pencapaian sebelum ini.

"Ekonomi negeri Selangor diunjurkan tumbuh lebih pantas pada tahun ini dengan kadar 5.2 peratus berbanding tahun lalu pada kadar 4.1 peratus," ujar beliau.

SINAR HARIAN ONLINE
TARIKH : 29 FEBRUARI 2024

Selangor catat penyelesaian projek tertinggi – Amirudin

Oleh MOHD IZZATUL IZUAN TAHIR [Follow](#) 28 Februari 2024 12:12pm Masa membaca: 4 minit



Justeru, Amirudin menjelaskan, kerajaan negeri akan menitikberatkan aspek pelaksanaan dan beberapa sesi dialog awam telah dilaksanakan kerajaan negeri bersama dengan ketua-ketua penjawat awam dan anak syarikat kerajaan negeri.

"Paling utama kita telah menitikberatkan aspek-aspek pelaksanaan agar ia dapat dilaksanakan sepenuhnya" kata beliau.

Beliau memberitahu, pada tahun ini, beberapa suntikan baharu telah dikemukakan oleh pihak kerajaan negeri yang dijangka akan memberikan impak kepada kegiatan ekonomi antaranya memperkenalkan Gagasan Lembah Klang Raya.

Menurut Amirudin, gagasan itu ialah dengan mewujudkan satu sistem pentadbiran bagi empat pihak berkuasa tempatan (PBT) iaitu Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ), Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) dan Majlis Bandaraya Diraja Klang (MBDK) melalui pewujudan Enakmen Lembah Klang Raya.

"Pewujudan satu sistem pentadbiran ini adalah bertujuan untuk menambah baik dan melicinkan urusan berkaitan kualiti perkhidmatan PBT, pengangkutan awam, rejuvenasi kawasan kediaman dan komersial sedia ada.

"Selain itu, isu tanah pegangan pajakan yang hampir matang antaranya dengan menyeragamkan proses perniagaan dan pembangunan, mengurangkan karenah birokrasi serta memudahkan kehidupan rakyat.

Ujar beliau, proses rejuvenasi bandar-bandar matang itu dimulakan bagi menarik pelaburan dalam industri baharu berteraskan digitalisasi.

"Kita berharap Gagasan Lembah Klang Raya menjadi bandar yang berdaya tahan terutamanya dalam menghadapi cabaran perubahan iklim, bandar yang mampan, serta berdaya huni," tambahnya.

Empat PBT Selangor terbaik, capai taraf lima bintang mutu bahasa Melayu

by Abdul Rahim Sabri · February 28, 2024 5:55 pm



Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) Dr Hazami Jahari berucap pada Wacana Bahasa: Keracunan Bahasa Tanggungjawab Bersama di Balai Budaya Tun Syed Nasir, Wisma DBP pada 28 Februari 2024. Foto MOHD KHAIRUL HELMY MOHD DIN/SELANGORKINI

KUALA LUMPUR, 28 FEB: Empat pihak berkuasa tempatan (PBT) di Selangor diiktiraf terbaik menggunakan bahasa Melayu dalam urusan rasmi menurut audit Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).

Ketua pengarahnya berkata Majlis Bandaraya Shah Alam, Majlis Perbandaran Ampang Jaya, Majlis Perbandaran Kuala Langat dan Majlis Daerah Sabak Bernam masing-masing mendapat lima bintang dalam Sistem Penarafan Bintang Bahasa Kebangsaan PBT.

"Program audit bahasa dilaksanakan untuk menilai tahap dan mutu penggunaan bahasa Melayu dalam urusan rasmi yang melibatkan dalam dan luar negara," kata Dr Hazami Jahari.

Berucap dalam Wacana Penegasan Bahasa Kebangsaan di sini, beliau menjelaskan audit bahasa dibuat berdasarkan beberapa dokumen penting, antaranya Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 2020: Pemerkasaan Penggunaan Bahasa Kebangsaan dalam Perkhidmatan Awam.



Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Dr. Hazami Jahari (empat dari kiri) bergambar bersama panel penyampai pada Wacana Bahasa: Keracunan Bahasa Tanggungjawab Bersama di Balai Budaya Tun Syed Nasir, Wisma DBP Kuala Lumpur pada 28 Februari 2024. Foto MOHD KHAIRUL HELMY MOHD DIN/SELANGORKINI

Selain itu, lima lagi PBT di Selangor mendapat empat bintang adalah Majlis Bandaraya Petaling Jaya, Majlis Bandaraya Subang Jaya, Majlis Bandaraya Diraja Klang, Majlis Perbandaran Sepang dan Majlis Perbandaran Kuala Selangor.

Sementara itu, Majlis Perbandaran Selayang, Majlis Perbandaran Kajang dan Majlis Perbandaran Hulu Selangor masing-masing mendapat penarafan tiga bintang.

Demi memartabatkan bahasa kebangsaan di peringkat PBT, Dr Hazami mencadangkan ketua agensi bersungguh-sungguh menguatkuasa peraturan penggunaan bahasa dan memantau bahan bertulis pada paparan awam.

Selain PBT, audit bahasa antara 2013 hingga 2023 juga menilai mutu penggunaan bahasa Melayu di peringkat kementerian, agensi, jabatan, badan berkanun, syarikat berkaitan kerajaan dan bank.

Agensi lain yang turut mendapat lima bintang antaranya termasuklah Kementerian Komunikasi dan Multimedia, Kementerian Perusahaan, Perlindungan dan Komoditi, dan Kementerian Wilayah Persekutuan.

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Bank Negara Malaysia, Majlis Sukan Negara, Institut Terjemahan dan Buku Malaysia, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Biokeselamatan, serta Jabatan Kesenian dan Kebudayaan Negara turut meraih pencapaian tertinggi itu.

SELANGORKINI ONLINE
TARIKH: 29 FEBRUARI 2024

One admin system for four cities

Klang Raya Valley will comprise Shah Alam, Subang Jaya, PJ and Klang city councils

FOUR cities in Selangor will come under Klang Raya Valley, says Menteri Besar Datuk Seri Amirudin Shari.

He said the Klang Raya Valley Enactment would create an administrative system for the four city councils.

They are Shah Alam City Council (MBSA), Petaling Jaya City Council (MBPJ), Subang Jaya City Council (MBSJ) and Klang Royal City Council (MBDK).

"The creation of an administrative system is aimed at improving matters related to the quality of local authority services, public transport, rejuvenation of existing residential and commercial areas and to better address the issue of leasehold land.

"It will standardise business and development processes, reduce bureaucracy and make life easier for the people.

"It was initiated to attract investment in new industries



Amirudin: Klang Raya Valley will standardise business and development processes.

based on digitisation, so that Klang Raya Valley is resilient in facing climate change and becomes sustainable and liveable," Amirudin said at the Selangor State Assembly sitting in Shah Alam.

He said the implementation year of 2024 was in line with First Selangor Plan (RS-1) from 2021 to 2025, which listed 262 projects, programmes and initiatives designed to cover four main core areas – economic strengthening, improving well-being and social inclusion, driving sustainability as well as smart and effective governance.

"All these initiatives have been examined to ensure their implementation is in line with the development goals of RS-1."

Amirudin said the development of three new economic regions in RS-1 – Integrated Development Region in South Selangor (Idriss), Sabak Bernam Development Area (Sabda) in North Selangor and Selangor Maritime Gateway (SMG) along Sungai Klang – had put Selangor in a strong position, attracting investment commitments of RM29.1bil to date.

"Idriss specialises in develop-

ments in Sepang and Kuala Langat districts covering 20,000ha, with an estimated gross development value (GDV) of RM1tril with several mega projects," he added.

"These include Pulau Carey Special Economic Zone involving between 4,046.8ha and 5,260ha of land for the development of a logistics hub and NCT Smart Industrial Park, which focuses on the manufacturing sector."

Amirudin said the state government only offered non-financial incentives such as facilitating the coordination of development approvals and other assistance required through Invest Selangor.

"Financial incentives are only offered by Federal Government.

"The state government also has Selangor Lab Partnership Programme, which is an initiative to help industry players reduce costs for research and product development by utilis-

ing existing facilities and expertise in academic institutions."

Amirudin said the development of Pulau Carey's deep-sea port was still in the preliminary stage.

Port Klang Authority (LPK) had completed feasibility studies while Transport Ministry had given its approval, he said.

"Selangor government is committed to working together with Transport Ministry on the development of Pulau Carey as a project under Idriss."

Replying to Rajiv Rishyakaran (PH-Bukit Gasing) on the status of the third port, Amirudin said Selangor government through Menteri Besar Incorporated had begun discussions with land owners to explore development around the port area.

It was reported that a third port was necessary as Northport and Westport in Port Klang had almost reached maximum capacity.

THE STAR

29 FEB 2024

Tarikh:

Roaring dragon musical finale at USJ 1 mall

A USJ1 mall's Chinese New Year campaign culminated with a unique musical performance on Chap Goh Meh.

Da Men's "Dragon Odyssey" musical, an original production in collaboration with VR Drumming Academy, featured over 170 performers and crew members.

Specifically written to evoke awareness of the effects of climate change, this musical drew its inspiration from the legend of "Naga Seri Gumum" (Dragon of Tasik Chini) and the Chinese favourite, Nezha.

The musical finale saw a packed mall concourse with guests such as Subang Jaya assemblyman Michelle Ng, Da Men Mall adviser Datuk Wahab Khalil, Pavilion REIT deputy chief executive officer Patrick Liau, Tourism, Arts and Culture Minister culture division secre-

tary Dr Tan Awang Besar, Zone 4 residents representative council committee member Juliana Teh, Subang Jaya City councillor Ken Chia, VR Drumming Academy founder Master Lee and Da Men USJ marketing general manager Evelyn Woon.

Young shoppers were treated to an arts and crafts workshop using repurposed materials before the musical.

The finished items in the shape of fishes were used to interactively engage young audiences during the musical, making everyone a part of the performance.

Festive decorations transformed the mall's ground floor into a mystical underwater world, replicating the dragon kingdom in Nezha's tale, adding an enchanting experiential ambience and encouraging many photography opportunities.



(In front of board, from second left) Lee gesturing with his right hand, together with Liau, Ng, Wahab, Woon, Teh and Tan at the grand musical finale of Da Men's 'Dragon Odyssey'.

THE STAR

29 FEB 2024

Tarikh:.....

S'gor village head recognised for community service

29/2/24
Star



Amirudin (second from left) presenting a mock cheque to Mohamad Hanafiah (third from right) in the presence of Rizam (in blue) and other guests.

Story and photo by FARID WAHAB
faridwahab@thestar.com.my

MOHAMAD Hanafiah Hussin beamed with pride as he was named Traditional Village Head Icon in recognition of his community service and efforts to promote tourism in Selangor's Hulu Langat district.

The head of Kampung Kuala Pangsau received RM300, a certificate and plaque as a token of appreciation from the state government at the Village Community Management Council (MPKK) Appreciation Ceremony in Shah Alam.

"This award will spur me to better serve my community. My primary objective now is to help promote Gunung Nuang

and the surrounding area as a tourism destination.

"I will work closely with non-profit and tourism associations in the state," he told reporters at the award ceremony.

The event celebrating 373 MPKK heads from nine districts was attended by Mentri Besar Datuk Seri Amirudin Shari and state rural development, unity and consumers committee chairman Datuk Rizam Ismail.

The event also recognised Best Traditional Village at district and state levels.

Meanwhile, Best Overall MPKK Traditional Village Special Award, with a RM1,500 cash prize, went to Kampung Sungai Apog in Sabak Bernam.

Amirudin said village heads

played a crucial role in communicating the state government's initiatives to their local communities, especially during the Covid-19 pandemic and floods in 2021.

"They help to ensure that any support and assistance doled out by the state government reaches its target audience," he added.

Rizam said cooperation from village heads was vital to mobilise welfare programmes at grassroot levels.

"Only with support from them can any effort made by the state government be fully realised."

Also present were state exco members Izham Hashim and Fahmi Ngah, and state Deputy Speaker Mohd Kamri Kamaruddin.

THE STAR

Tarikh: 29 FEB 2024

RM34mil for flood mitigation works at two rivers in Kuala Langat

29/2/24
Star

A TOTAL of RM33.85mil has been allocated for two flood mitigation projects in Kuala Langat district.

Selangor infrastructure and agricultural committee chairman Izham Hashim said works were being carried out at Sungai Sijangkang and Sungai Banting.

"Flood mitigation works at Sungai Sijangkang will see the strengthening of river edges and building a gross pollutant trap which will cost RM18.5mil.

"Works started on May 26, 2023, and is scheduled for completion in November," he said,

adding that progress was currently at 13%.

Replying to Datuk Dr Ahmad Yunus Hairi (PN-Sijangkang) at the Selangor State Assembly in Shah Alam on the flood mitigation status and approved allocation, Izham said works on the Sungai Banting project involved construction of U-drains at a cost of RM15mil.

The project, he said, began on May 17, 2023, and was scheduled to be completed this August.

On Dr Ahmad's question regarding the status of drainage upgrades at Jalan Perepat in Telok Panglima Garang, Izham

said that until Jan 31, 9% had been completed.

"The delay is due to late delivery of construction materials.

"We understand suppliers are in the process of speeding up the delivery," he added.

Izham said the work scope involved improving drainage at Jalan Telok Mengkuang and earth drain at Jalan Perepat, close to rivers and water bodies.

"Upgrading works at Jalan Perepat and the immediate areas costs RM5.5mil," he said.

"It started in Sept 13 last year and is scheduled to be completed by Sept 10 next year."



Some rivers in Kuala Langat district frequently overflow, flooding nearby areas. — Filepic

THE STAR

29 FEB 2024

New tax regime kicks in tomorrow

Water exempted, electricity taxed at 8% for heavy domestic users

By CECILIA KOK
cecilia_kok@thestar.com.my

PETALING JAYA: From tomorrow, water bills will remain exempted from the service tax while electricity bills for domestic users consuming over 600 kilowatt-hour (kWh) per month will be subject to a higher tax of 8%.

This change is expected to affect about 15% of domestic electricity users, according to the Finance Ministry.

The majority of domestic users whose monthly electricity consumption is 600kWh and below will continue to enjoy zero service tax on their bills.

"For electricity services, the service tax is only applicable for usage above 600kWh. Almost 85% of electricity users fall below this threshold and therefore will not be affected by the service tax."

"The service tax also does not apply to treated water supply services," it said in a statement.

In a briefing to editors earlier yesterday, Treasury secretary-general Datuk Johan Mahmood Merican said the higher service tax on electricity was only applicable to domestic households, and not commercial and industrial electricity consumers.

Effective March 1, 2024, the service tax in Malaysia will be revised to 8% from 6%.

The change, which is expected to generate an additional revenue of RM3bil for the government, is part of the tax reforms aimed at strengthening the country's fiscal foundation and bringing the economy back on track.

The Finance Ministry said the new tax rate focuses on discretionary activities and business-to-business services, while protecting the rakyat from shouldering a higher consumption tax



Higher electricity bill: Domestic users consuming over 600kWh per month can expect to pay a higher tax of 8% beginning tomorrow. — AZHAR MAHFUF/The Star

for key essential services such as food and beverage, telecommunications, parking and logistics.

"To truly transform our economy, the government has taken a measured approach to reform our tax system. While it is important for the government to raise its revenue, there is a balancing act that we have to consider between improving the tax base and cushioning the rakyat from any undue burden," said Finance Minister II Senator Datuk Seri Amir Hamzah Azizan.

"It is necessary for us to broaden the tax base to realign and strengthen our national fiscal foundation as we set the stage for a new era of economic growth under the Madani Economy framework."

"At the same time, we will con-

tinue to take on a 'whole of government' approach to right our economic trajectory, including being more prudent in our spending, reducing leakages and attracting foreign direct investment (FDI)," he added.

Under the Service Tax (Amendment) Regulations 2024, which was gazetted on Feb 23, 2024, all taxable services categorised in the First Schedule of the Service Tax Regulations 2018 will be subject to an 8% service tax. This would include imported taxable services and digital services.

In addition, coverage of the service tax will be expanded to harmonise the tax treatment for selected services within the same industry.

For example, karaoke centres would be subject to the 8% ser-

vice tax, similar to other entertainment centres such as nightclubs, dance halls, cabarets, and wellness centres. Brokerage and underwriting services, which currently only apply to financial services, would be expanded to cover other brokerage industries such as ship/aircraft brokerage, commodities and real estate.

The ministry stressed that the change in the service tax rate would not involve services that formed a basic need and intrinsic part of the rakyat's lifestyle.

For example, the tax rate for services that are widely used by the rakyat such as food and beverage, telecommunications and parking remains unchanged at 6%.

Similarly, logistics services would be subject to the 6% ser-

vice tax, while no service tax will be imposed on food and beverage delivery services.

As such, the government said it does not anticipate the changes to engender sharp price increases that would lead to an economic shock as the small two-point increase affects selected taxable services.

Johan Mahmood said tax reforms were necessary for the government to address its fiscal deficits, which stood at 5% of the gross domestic product last year.

"The government will continue to reduce the fiscal deficit by introducing gradual measures that, on the one hand, could increase the government's revenue and, on the other hand, mitigate the impact on the rakyat and businesses," he said.

On whether the government would consider reimplementing the Goods and Services Tax (GST), Johan Mahmood said it was not the right time to bring back the consumption tax.

As for the proposed high-value goods tax (HVGT), also known as luxury tax previously, he said the government was still working through the details and would make an announcement in due course.

During the tabling of Budget 2024 last October, Prime Minister and Finance Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim said the government was looking at implementing 5%-10% tax on certain high-value items such as jewellery and watches, based on a prescribed threshold. This tax was expected to be implemented on May 1 this year.

FORMORE:

See next page

THE STAR

Tarikh: 2.9.FEB.2024

Rumah dijadikan pusat rawatan ibu bersalin diserbu MBDK

SH 29/2 (MBDK)

KLANG - Kegiatan sebuah pusat jagaan dan rawatan ibu bersalin beroperasi secara haram di kawasan perumahan di Bandar Bukit Raja di sini, mengundang padah apabila digempur pihak berkuasa pada Isnin.

Serbuan kira-kira jam 12.45 tengah hari itu dijalankan dalam satu operasi penguatkuasaan oleh Majlis Bandaraya Diraja Klang (MBDK).

Pengarah Komunikasi Korporatnya, Norfiza Mahfiz berkata, operasi itu dijalankan hasil risikan dan maklumat awam.

"Siasatan lanjut mendapati kediaman yang dijadikan premis perniagaan itu beroperasi tanpa lesen perniagaan sah," katanya dalam satu kenyataan pada Rabu.

Norfiza memberitahu, MBDK mengeluarkan satu kompaun kepada wakil syarikat itu iaitu pekerja premis tersebut.

"Ini kesalahan serius kerana melibatkan bayi dan ibu yang melahirkan anak selain mendatangkan risiko jika berlaku kecuaian," ujar beliau.

Norfiza menambah, kes itu disiasat mengikut Undang-Undang Kecil (UUK) 3 (1) UUK Pusat Kecantikan Dan Penjagaan Kesihatan (MPK) 2013.

Dalam pada itu, katanya, pihaknya turut menyerbu premis industri yang beroperasi tanpa lesen dan menyebabkan kacau ganggu di Jalan Haji Abdul Manan, di sini.

"Dua kompaun di bawah UUK3 Undang Undang Kecil Pelesenan Tred Perniagaan dan Perindustrian (MPK) 2007 turut dikeluarkan atas kesalahan itu.

"Penguatkuasaan seumpama itu akan diteruskan dan MBDK tidak akan berkompromi terhadap pihak yang ingkar peraturan ditetapkan," katanya.



Pusat jagaan dan rawatan ibu bersalin haram yang diserbu MBDK di Klang, pada Isnin.

SINAR HARIAN

Tarikh: ...2.9.FEB.2024.....

MPS PBT kedua di Selangor lanjut kontrak pembersihan KDEBWM

SELAYANG - Majlis Perbandaran Selayang (MPS) menjadi pihak berkuasa tempatan (PBT) kedua di Selangor selepas Klang menandatangani surat setuju menerima (SST) lanjutan kontrak bagi perkhidmatan kutipan sampah KDEB Waste Management (KDEBWM).

Majlis SST itu telah ditandatangani oleh Yang Dipertua MPS, Datuk Mohd Yazid Sairi dengan Pengarah Urusan KDEBWM, Datuk Ramli Mohd Tahir disaksikan Exco Kerajaan Tempatan dan Pelancongan, Datuk Ng Suee Lim di sini pada Rabu.

Ramli berkata, kontrak baharu di kawasan pentadbiran MPS itu selama tujuh tahun dan akan bermula secara rasmi pada Mac ini sehingga 2031.

Menurutnya, sejumlah 49 kompaktor dan 20 unit lori armroll akan digunakan di kawasan pentadbiran MPS bagi kutipan sisa domestik dan sampah pulkal.

"Kos pembelian RM23.5 juta membabitkan RM20 juta bagi kompaktor manakala baki adalah lori armroll.



Suee Lim (kanan) menaiki lori kompaktor baharu yang akan digunakan KDEBWM.



Ramli (dua dari kiri) dan Mohd Yazid (dua dari kanan) pada majlis menandatangani SST antara KDEBWM dan MPS di Selayang pada Rabu.

"Penggantian lori baharu ini mempunyai kapasiti antara 18 hingga 19 tan yang saiznya tidak terlalu besar dan sesuai digunakan untuk jalan kecil dan besar," katanya pada majlis tersebut.

Pada majlis itu turut diadakan pelancaran lori kompaktor dan imej baharu identiti KDEBWM yang lebih segar, responsif dan efektif bagi menguruskan sisa pepejal di Selangor.

Katanya, pemilihan kompaktor tersebut mengambil kira kesesuaian lokasi kutipan khususnya bagi kawasan perumahan.

"Saiz kompaktor ini sesuai digunakan di banyak kawasan di Selangor.

"Kita boleh beli lori kapasiti lebih besar hingga 20 tan namun akan jadi masalah untuk lalu kawasan perumahan padat kerana lorong sempit selain halangan disebabkan kenderaan parkir," katanya.

Sementara itu, Mohd Yazid

berkata, pihaknya berharap operasi kutipan sampah berjalan lancar selepas lanjutan kontrak itu dan masyarakat berpuas hati dengan perkhidmatan diberikan.

Beliau berkata, sampah merupakan isu sensitif apabila 80 peratus aduan diterima membabitkan masalah tersebut.

"Di peringkat MPS kita sentiasa berusaha memastikan persekitaran bersih namun berdepan cabaran mengubah

gaya hidup masyarakat.

"Ada sebahagian masyarakat yang mengambil mudah isu kebersihan dengan membuang sampah di tepi longkang dan sungai, katanya.

Beliau berkata, MPS menghadapi masalah pemantauan susulan jumlah penguat kuasa hanya 164 orang yang perlu memantau keluasan pentadbiran 545.6 kilometer persegi dengan jumlah penduduk mencecah 764,000 orang mengikut bancian 2020.

SINAR HARIAN

Tarikh: 29 FEB 2024

SH 29/2

DBKL roboh struktur iklan haram

KUALA LUMPUR - Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah merobohkan satu struktur pengiklanan haram dalam operasi Tindakan Khas Struktur Papan Iklan Tanpa Kelulusan di Jalan Riong Off Jalan Bangsar di sini pada Selasa.

DBKL dalam satu kenyataan menjelaskan, tindakan itu diambil berikutan struktur papan tanda iklan di atas rizab jalan itu dibina tanpa kebenaran dan lesen daripada pihak berkuasa tempatan.

Susulan itu, satu tindakan penguatkuasaan bagi menurunkan papan tanda iklan berkenaan telah diambil menerusi kesalahan di bawah Seksyen

46, Akta Jalan, Parit & Bangunan 1974, tambah kenyataan itu.

"Operasi dijalankan menerusi Jabatan Penguatkuasaan dengan kerjasama Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar, Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan Elektrikal serta Pejabat Cawangan Lembah Pantai.

"Struktur iklan yang diturunkan dihantar ke Setor Simpanan Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan Elektrikal DBKL Jalan Cheras untuk rekod penyimpanan sementara dan proses pelupusan," kata kenyataan tersebut.

Tambahnya, operasi tindakan bersama itu akan diteruskan di lokasi yang telah dikenal pasti.



Kerja-kerja merobohkan satu struktur pengiklanan haram oleh DBKL di Jalan Riong Off Jalan Bangsar, Kuala Lumpur pada Selasa.

SINAR HARIAN

Tarikh: 29 FEB 2024

Kekalkan keistimewaan penjawat awam terima rawatan di IJN

SH 29/2

KUALA LUMPUR - Kongres Kesatuan Pekerja-pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) menggesa kerajaan agar mengekalkan keistimewaan diterima oleh penjawat awam dan pesara dalam hal melibatkan rawatan di Institut Jantung Negara (IJN).

Presidennya, Datuk Dr Adnan Mat berkata, pihaknya bimbang dengan situasi semasa yang berlaku terutama melibatkan pesakit jantung dalam kalangan penjawat awam dan pesara yang dikeluarkan dari IJN.

Menurutnya, walaupun Kementerian Kesihatan (KKM) telah memberi maklum balas bahawa kes tersebut melibatkan pesakit yang sudah stabil, Cuepacs berpandangan adalah wajar kerajaan terus membenarkan pesakit sedia ada di IJN kekal mendapatkan rawatan tanpa perlu mengeluarkan atau merujuk semula ke hospital lain milik KKM.

"KKM memaklumkan mereka telah merujuk kes kompleks dan kritikal ke IJN untuk mengurangkan kesesakan dan masa menunggu yang lama di Pusat Jantung milik KKM," katanya dalam kenyataan pada Rabu.

Beliau berkata demikian ketika mengulas mengenai laporan oleh portal *Code Blue* ditulis seorang pesara penjawat awam yang dihentikan rawatan selepas 25 tahun menerima rawatan rapi di IJN baru-baru ini.

Jelasnya, tindakan mengeluarkan pesakit sedia ada di IJN hanya akan menyebabkan kesesakan dan masa menunggu yang lama di Pusat Jantung KKM sedia ada.

"Langkah tersebut juga mengakibatkan pesakit yang dikeluarkan dari IJN terpaksa

menunggu giliran lebih lama untuk dirawat memandangkan rekod semasa mereka di hospital lain masih baharu dan perlu memberi ruang kepada pesakit sedia ada," katanya.

Adnan berkata, sekiranya perkara itu terus berlaku pada masa hadapan, pihaknya bimbang kebajikan penjawat awam dan pesara diabaikan terutama dalam mendapatkan rawatan.

Justeru, suatu mekanisme atau pendekatan lain boleh diambil oleh kerajaan sekiranya kos perbelanjaan menjadi punca utama permasalahan itu berlaku, katanya.

"Alasan penjimatan tidak seharusnya dijadikan asas dalam soal pemotongan perbelanjaan berkaitan penjagaan kesihatan kerana ia adalah keutamaan kerajaan untuk menjaga kebajikan penjawat awam dan pesara.

"Pemotongan kos untuk langkah penjimatan harus disasarkan kepada program *ad hoc* lain yang tidak mempunyai keutamaan di semua peringkat kerajaan dan bukannya melibatkan perkara berkaitan keperluan asas rakyat," katanya.

Terdahulu, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad menjelaskan IJN dan KKM mempunyai hubungan kerja yang baik walaupun selepas pengkorporatan institut berkenaan.

"KKM membayar IJN untuk setiap pesakit yang dirujuk, menggunakan pembiayaan tahunan persekutuan diterima daripada Kementerian Kewangan (MOF).

"Bagi memastikan lebih ramai pesakit boleh dirujuk ke IJN, pesakit dibenarkan discaj ke pusat jantung KKM yang lain apabila keadaan mereka stabil," katanya.



ADNAN

SINAR HARIAN

Tarikh: ...2.9.FEB.2024.....

Kenaikan SST dijangka raih hasil tambahan RM3 bilion

SH 29/2

SHAH ALAM - Sistem cukai jualan dan perkhidmatan (SST) ditambah baik yang akan dilaksanakan bermula Mac ini dijangka meraih hasil tambahan sebanyak RM3 bilion kepada negara.

Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan berkata, perolehan melalui pelaksanaan tersebut juga berupaya meningkatkan bantuan bersasar kepada rakyat memerlukan.

Malah katanya, ia turut membolehkan kerajaan melaksanakan lebih banyak penambahbaikan dan penyelenggaraan prasarana awam kritikal seperti kesihatan, sekolah dan jalan raya.

"Kerajaan perlu memperluas asas cukai demi memperkukuh asas fiskal negara ke arah pertumbuhan ekonomi yang lebih mampan sepertimana digariskan di bawah kerangka Ekonomi Madani.

"Pada masa sama, kerajaan turut giat merangkul seluruh kekuatan dan tenaga bagi melaraskan semula trajektori ekonomi negara merangkumi amalan perbelanjaan yang berhemat, mengurangkan ketirisan serta menarik pelabur langsung asing (FDI)," katanya dalam kenyataan pada Rabu.

Mengulas lanjut, Amir Hamzah berkata, keputusan memperluaskan SST dibuat bagi menyelaraskan dan memberi layanan cukai sama rata ke atas perkhidmatan tertentu dalam industri yang sama.

Sebagai contoh katanya, pusat karaoke yang unsur hiburan akan dikenakan SST sebanyak lapan peratus, sama seperti pusat hiburan lain merangkumi kelab malam, dewan tari menari, kabaret dan pusat kesejahteraan.

"Perkhidmatan broker dan penaja jaminan, yang kini hanya dikenakan kepada perkhidmatan kewangan sahaja, akan diperluas kepada perkhidmatan-perkhidmatan industri broker lain seperti broker kapal atau kapal terbang, komoditi dan hartanah," katanya.

Beliau dalam masa sama turut menegaskan, peningkatan kadar SST itu tidak melibatkan perkhidmatan yang menjadi keperluan asas serta menjadi sebahagian daripada gaya hidup rakyat di negara ini.

"Sebagai contoh, perkhidmatan yang banyak digunakan oleh rakyat seperti makanan dan minuman, telekomunikasi dan parkir kenderaan kekal dikenakan cukai perkhidmatan pada kadar enam peratus.

"Ini termasuklah perkhidmatan logistik yang akan dikenakan cukai perkhidmatan pada kadar enam peratus. Bagi perkhidmatan penghantaran makanan dan minuman, SST tidak akan dikenakan," katanya.

“

Perolehan melalui pelaksanaan tersebut juga berupaya meningkatkan bantuan bersasar kepada rakyat memerlukan.”

SINAR HARIAN

Tarikh: ...2.9 FEB. 2024.....

Air terawat tidak dikenakan SST

SH 29/2

Kenaikan SST bagi elektrik pula hanya dikenakan ke atas kadar penggunaan lebih 600 kilowatt jam

Oleh NURUL HUDA HUSAIN
SHAH ALAM

Perkhidmatan air terawat memang tidak pernah dikenakan cukai jualan dan perkhidmatan (SST).

Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan berkata, kenaikan cukai perkhidmatan bagi perkhidmatan elektrik daripada enam peratus ke lapan peratus mulai 1 Mac ini pula hanya dikenakan ke atas kadar penggunaan lebih daripada 600 kilowatt jam (kWj).

Secara keseluruhan katanya, hampir 85 peratus pengguna utiliti tersebut di negara ini berada di bawah ambang tersebut dan tidak terkesan dengan sistem percukaian yang ditambah baik itu.

"Kenaikan kadar cukai perkhidmatan daripada enam ke lapan



Kenaikan kadar cukai perkhidmatan mulai 1 Mac ini menumpukan kepada aktiviti berkaitan perkhidmatan kemahuan dan perniagaan.

peratus mulai 1 Mac ini menumpukan kepada aktiviti berkaitan perkhidmatan kemahuan dan aktiviti perniagaan.

"Ini bagi memastikan rakyat tidak dibebani dengan kadar cukai kepenggunaan yang lebih tinggi khususnya dalam perkhidmatan keperluan penting seperti makanan dan minuman, telekomunikasi serta logistik.

"Bagi menjayakan transformasi ekonomi, kerajaan mengambil pendekatan yang berhati-hati dalam usaha mereformasi sistem percukaian negara.

"Meskipun adanya keperluan untuk mengembangkan hasil negara, kerajaan perlu menimbangkan ini dengan mengambil kira keperluan melindungi rakyat daripada beban berlebihan," katanya dalam satu kenyataan pada Rabu.

Presiden MCA, Datuk Seri Dr Wee Ka Siong ketika persidangan Dewan Rakyat pada Selasa mengesahkan kerajaan mengecualikan ke-



AMIR HAMZAH

naikan kadar SST daripada enam kepada lapan peratus bagi elektrik dan air.

Menurutnya, kenaikan yang dijangka bermula Mac itu dibimbangi akan memberi impak negatif terutamanya kepada rakyat.

Mengulas lanjut, Amir Hamzah berkata, kenaikan cukai beberapa barangan dan perkhid-

matan tersenarai dalam sistem percukaian ditambah baik itu dijangka tidak menyebabkan kenaikan mendadak kepada harga perkhidmatan sekali gus tidak akan membawa kejutan kepada ekonomi.

"Ini kerana kenaikan kadar cukai sebanyak dua mata peratusan ini melibatkan beberapa perkhidmatan bercukai sahaja," katanya.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim ketika membentangkan Belanjawan 2024 Oktober tahun lalu memaklumkan kerajaan bercadang menaikkan kadar cukai perkhidmatan kepada lapan peratus berbanding enam peratus.



Laporan muka depan *Sinar Harian* pada Rabu.

SINAR HARIAN

Tarikh: ...2.9 FEB 2024...

'Bazar Ramadan MBSA naik RM50'

SHAH ALAM – Kadar bayaran permit bazar Ramadan di bawah Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) naik sebanyak RM50 pada tahun ini.

Menurut MBSA, ia melibatkan pecahan sewa tapak sebanyak RM20 menjadikannya keseluruhan RM50 bagi kategori jenis jualan makanan dan minuman berbalang, makanan goreng, air kelapa dan tebu, jualan berbakar serta juadah ayam dan kambing golek.

Katanya, kenaikan juga dikenakan kepada apron dan topi (RM10) serta penyelenggaraan caj baharu RM20.

"Justeru, kadar bayaran permit bulan Ramadan bagi makanan dan minuman berbalang adalah RM250 dan makanan goreng pula RM280.

"Bagi peniaga air kelapa dan tebu berjumlah RM280 dan jualan berbakar dikenakan RM280. Peniaga ayam atau kambing golek pula RM340," ujarnya kepada *Kosmo!* baru-baru ini.

Sementara itu, Majlis Bandaraya Diraja Klang (MBDK), Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS), Majlis Perbandaran Kuala Langat (MPKL) dan Majlis Daerah Sabak Bernam mengekalkan harga sewa tapak dan permit antara RM60 hingga



KERATAN *Kosmo!* Isnin lalu.

RM400 seperti tahun lalu.

Ujar MPKS, kadar sewa bagi 869 lot tapak disediakan bergantung kepada 12 lokasi bazar Ramadan tersebut dengan lapan tapak bazar mengenakan harga sewaan RM300 diikuti tiga bazar pada kadar RM400 dan satu RM350.

"Pemohon perlu bebas daripada sebarang kompaun MPKS dengan tambahan bayaran RM60 bagi peniaga air tebu dan air kelapa," katanya.

MBDK pula menyediakan sebanyak 2,133 lot tapak dengan sewa bagi tapak bazar Ramadan yang mempunyai pasar malam sebanyak RM270 dan tapak yang tiada pasar malam pula bernilai RM310.

Sementara, fi permit bagi kategori bazar Ramadan bawah pentadbiran MDSB adalah kekal RM120 dan tapak di luar bazar sebanyak RM60 sepetak.



KADAR bayaran bagi permit bazar Ramadan di bawah MBSA naik sebanyak RM50 tahun ini. – GAMBAR HIASAN

KOSMO

Tarikh: 29 FEB 2024

KWSP dijangka umum dividen Ahad ini

PETALING JAYA – Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dijangka mengumumkan prestasi kewangannya tahun lalu pada Ahad ini.

Kebiasaannya ia turut disertai dengan pengumuman dividen.

KWSP dalam dalam satu jemputan media yang dikeluarkan semalam berkata, taklimat berhubung prestasi kewangan terse-

but akan disampaikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif yang baharu, Ahmad Zulqarnain Onn.

Bagi tempoh sembilan bulan berakhir 30 September 2023, KWSP merekodkan jumlah pendapatan pelaburan sebanyak RM47.86 bilion, naik 33 peratus daripada RM36.04 bilion yang dicatatkan dalam tempoh yang sama pada 2022.

Justeru, ramai yang meramalkan dividen KWSP lebih baik untuk tahun 2023, berbanding 5.35 peratus untuk simpanan konvensional dan 4.75 peratus untuk simpanan syariah bagi 2022.

Pada 2021, KWSP mengumumkan dividen sebanyak 6.1 peratus bagi simpanan konvensional dan 5.65 peratus bagi simpanan syariah.



KWSP merekodkan jumlah pendapatan pelaburan RM47.86 bilion setakat 30 September 2023.

KOSMO

Tarikh: 29 FEB 2024

588 kanak-kanak di Selangor terlibat kesalahan jenayah

KOSMO
29/2

SIDANG
DUN
SELANGOR



SHAH ALAM – Jenayah merusuh adalah kes paling tinggi dicatatkan dalam kalangan kanak-kanak berusia bawah 18 tahun di Selangor tahun lalu.

Exco Pembangunan Wanita dan Kebajikan Masyarakat Selangor, Anfaal Saari berkata, berdasarkan statistik Jabatan Siasatan Jenayah Polis Diraja Malaysia (PDRM) kes tangkapan merusuh mencatatkan 138 kes diikuti mencuri (112), mendatangkan cedera (87) dan rogol sebanyak 86 kes.

Katanya, terdapat kira-kira 1.9 juta populasi kanak-kanak yang mewakili hampir satu pertiga penduduk di Selangor.

"Secara keseluruhannya, 588 orang kanak-kanak terlibat di bawah kesalahan jenayah pada tahun lalu.

"Mengikut pecahannya adalah 577 tangkapan bagi mereka yang



SEBANYAK 11 kes tangkapan jenayah adalah membabitkan kanak-kanak berusia 7 hingga 12 tahun. – GAMBAR HIASAN

berusia 13 hingga 18 tahun dan selebihnya 11 kes tangkapan untuk kanak-kanak berusia 7 hingga 12 tahun," katanya pada sidang Dewan Undangan Negeri Selangor di sini semalam.

Terdahulu, Mariam Abdul Rashid (**PH-Meru**) ingin mengetahui keselamatan dan perlindungan kanak-kanak termasuk dalam statistik kanak-kanak terlibat dalam jenayah di Selangor.

Menurut Anfaal yang merupa-

kan Ahli Dewan Undangan Negeri Taman Templer, statistik PDRM turut menunjukkan sebanyak 190 kes pengabaian kanak-kanak berlaku di Selangor selain penderaan (156 kes) dan keganasan seksual (146 kes).

Tegas beliau, kerajaan negeri telah membangunkan Dasar Pembangunan Kanak-kanak Negeri Selangor dan Pelan Tindakan 2022 hingga 2025 yang telah dilancarkan pada Mei tahun lalu.

KOSMO

Tarikh: 29 FEB 2024

Oleh Sri Ayu Kartika
Amri dan Annisa Nasuha
Ismail
kartika@mediapri-
ma.com.my

Kuala Lumpur

Dividenden Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dijangka bakal mencapai kadar sehingga 5.4 peratus bagi konvensional dan 5.0 peratus (syariah).

Bagi tahun kewangan 2022, KWSP mengumumkan agihan dividen 5.35 peratus bagi simpanan konvensional dan 4.75 peratus bagi simpanan syariah.

Pengarah Program MBA Putra Business School (PBS) Prof Madya Dr Ahmed Razman Abd Latiff berkata, prestasi dividen KWSP bagi tahun 2023 berkemungkinan lebih tinggi dari tahun sebelumnya.

"Dividen kali ini dijangka mungkin lebih tinggi dari tahun sebelumnya iaitu kemungkinan untuk konvensional 5.4 peratus dan syariah 5.0 peratus, melebihi kadar sebelumnya.

"Jangkaan ini didasarkan lebih baik berikutan prestasi Bursa Malaysia membolehkan yang dicapai pada 2023 berbanding 2022.

"Walaupun keluaran dalam negara kasar (KDNK) masih lagi menunjukkan penguncupan pada 2023, tetapi penguncupannya lebih kecil berbanding 2022," katanya kepada Harian Metro.

Sementara itu, Pakar Ekonomi Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (Must) Prof Emeritus Dr Barjoiy Bardai berkata, KWSP tiada tekanan untuk mengisytiharkan dividen yang tinggi tahun ini berikutan 2023 menjadi tahun mencabar.

Katanya, Amanah Saham Bumiputera (ASB) juga



KESAN keadaan ekonomi semasa terhadap prestasi dividen KWSP dikatakan tidak bergantung sepenuhnya dengan keadaan ekonomi di Malaysia.

DIVIDEN KWSP

DIJANGKA CAPAI KADAR 5.4%, 5.0%

mengisytiharkan dividen yang sesuai iaitu agihan pendapatan sebanyak 5.25 sen seunit kepada pemegang unit bagi tahun kewangan berakhir Disember 2023.

Katanya, jika KWSP mengumumkan dividen yang sama atau lebih rendah sedikit berbanding tahun lalu, rakyat masih boleh menerimanya.

"Jika ada keuntungan yang lebih, KWSP boleh membawanya bagi tahun kewangan 2024.

"Selain itu, antara faktor yang mempengaruhi prestasi dividen KWSP tahun ini adalah dari segi pelaburannya di luar negara

iaitu sebanyak 40 peratus. "Sebagai contoh pelaburan berpendapatan tetap di Amerika Syarikat, pelaburan ini memberi pulangan tinggi kepada Malaysia," katanya.

Beliau berkata, kesan keadaan ekonomi semasa terhadap prestasi dividen KWSP sebenarnya tidak bergantung sepenuhnya dengan keadaan ekonomi di Malaysia kerana KWSP melabur hampir ke seluruh

negara.

"Walaupun keadaan ekonomi di Malaysia mencabar dan kadar pertukaran mata wang kita merosot, ia tidak akan menggambarkan prestasi KWSP secara keseluruhan.

"Malah penurunan kadar mata wang ini membantu KWSP untuk meningkatkan pulangan pelaburan.

"Selain itu, jika pelaburan KWSP dari luar negara mendapat pendapatan ki-

ra-kira 5.0 peratus untuk pelaburan berpendapatan tetap misalnya, apabila nilai itu ditukarkan ke mata wang Malaysia, kita akan mendapat keuntungan," katanya.

KWSP meraih pendapatan pelaburan sebanyak RM47.86 bilion dalam sembilan bulan berakhir 30 September 2023, meningkat 33 peratus berbanding RM36.04 bilion yang dicatatkan dalam tempoh sama tahun lalu.

Jumlah itu selepas mengambil kira turun nilai kos atas ekuiti tersenarai yang direkodkan untuk tempoh berkenaan.

"Dividen kali ini dijangka mungkin lebih tinggi daripada tahun sebelumnya"
Dr Ahmed Razman

HARIAN METRO

Tarikh: 29 FEB 2024

Shah Alam: Selangor merekodkan 588 kanak-kanak berusia 18 tahun ke bawah terbabit dalam pelbagai kes jenayah termasuk merusuh, tahun lalu.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pemberdayaan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat negeri Anfaal Saari berkata, berdasarkan maklumat diperoleh daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM), jenayah yang kerap dilakukan adalah merusuh membabitkan 138 orang dan curi seramai 112 orang.

Metro 29/2 **Selangor catat 588 kanak-kanak terbabit kes jenayah**

"Pada tahun lalu, berdasarkan statistik diberikan PDRM, seramai 588 kanak-kanak berumur 18 tahun ke bawah terbabit pelbagai kesalahan jenayah.

"Bagi kategori kanak-kanak berumur tujuh hingga 12 tahun, sebanyak 11 kes dilaporkan termasuk rogol, curi, pecah rumah.

"Bagi kanak-kanak berumur 13 hingga 18 tahun membabitkan 577 kes yang mana kes merusuh paling

tinggi sebanyak 138 kes manakala kes curi (112)," katanya ketika menjawab pertanyaan berhubung keselamatan dan perlindungan kanak-kanak di Selangor pada Sidang Dewan Negeri Selangor ke-15 di Wisma Dun Selangor di sini, semalam.

Anfaal berkata, statistik kes penderaan terhadap kanak-kanak tahun lalu mengikut Seksyen 31 Akta Kanak-Kanak 2001 adalah

156 kes manakala penderaan sebanyak 190 kes mengikut Seksyen 31, 32, 33, 48 Akta Kanak-Kanak 2001.

"Bagi kes keganasan seksual terhadap kanak-kanak pula, sebanyak 146 kes mengikut Seksyen 5, 8, 10, 11, 12, 14, 15 Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak," katanya.

Mengulas lanjut, katanya, populasi kanak-kanak negeri Selangor di bawah

umur 18 tahun adalah 1.9 juta orang mewakili hampir satu pertiga populasi penduduk di negeri ini.

Beliau berkata, kerajaan negeri sudah membangunkan Dasar Pembangunan Kanak-Kanak Negeri Selangor dan Pelan Tindakan 2022-2025 yang dilancarkan pada Mei tahun lalu.

"Menerusi tema 'Anak Selangor Anak Kita', Dasar Pembangunan Kanak-Kanak Negeri Selangor ber-

matlamat untuk mewujudkan golongan kanak-kanak yang terpelihara dari sudut hak, kebajikan, akses kepada sumber dan pembangunan potensi.

"Ini mengambil kira peranan semua pihak berkepentingan (termasuk ibu bapa, pemimpin komuniti, institusi berkaitan dan agensi kerajaan) serta memastikan tiada satu pun kanak-kanak yang ketinggalan atau tercicir," katanya.

HARIAN METRO
Tarikh: **29 FEB 2024**



B4 29/2

KWSP umum kadar dividen 2023 Ahad ini

Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dijadualkan mengumumkan dividen bagi 2023 pada Ahad ini.

Dalam satu notis sidang akhbar yang dihantar semalam, KWSP berkata pengumuman itu akan dibuat oleh Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) yang baru dilantik, Ahmad Zulqarnain Onn pada pagi Ahad ini.

Beliau memulakan tugasnya sebagai CEO baharu KWSP pada 19 Februari lalu.

KWSP telah mengumumkan dividen bagi Simpanan Konvensional dan Simpanan Syariah sejak 2017.

Bagi tempoh sembilan bulan berakhir 30 September tahun lalu, KWSP merekodkan pendapatan pelaburan sebanyak RM47.86 bilion, kenaikan sebanyak 33 peratus berbanding RM36.04 bilion yang dicatatkan dalam tempoh sama 2022.

Dividen paling tinggi pernah diberikan oleh KWSP adalah 8.5 peratus iaitu dari 1983 hingga 1987.

Pada tahun lalu, KWSP mengumumkan dividen 2022 sebanyak 5.35 peratus bagi Simpanan Konvensional dan 4.75 peratus bagi Simpanan Syariah.

Bagi 2023, penganalisis men-

jangkakan KWSP akan mengumumkan dividen pada kadar 5.5 peratus hingga 6.5 peratus, lebih baik berbanding dividen yang diberikan pada 2022.

Penganalisis ekonomi UniKL Business School, Prof Madya Dr Aimi Zulhazmi Abdul Rashid, berkata jangkaan positif dalam pengagihan kadar dividen lebih baik untuk 2023 berdasarkan prestasi suku tahun semasa KWSP.

Katanya, KWSP memiliki skala ekonomi yang lebih mampan dengan aset di bawah pengurusan (AUM) sebanyak RM1.1 trilion.

"Justeru, dana persaraan

ini ada kelebihan dari segi pilihan pelaburan mahupun proses rundingan dengan pengurus dana luar. Namun disebabkan saiz dana pelaburan yang besar, KWSP perlu bekerja lebih keras untuk mendapat pulangan tinggi dari sudut ringgit, walaupun peratusan yang kecil.

"Misalnya, untuk setiap satu peratus dividen, KWSP dengan aset RM1.1 trilion perlu membayar RM11 bilion dan ini cukup mencabar dalam situasi ekonomi semasa. Namun, KWSP dijangka memberi pulangan dividen lebih baik dengan unjuran antara 5.5 hingga 6.5 peratus," katanya.

BERITA HARIAN

Tarikh.....2..9..FEB..2024.....

Ringgit bukan berada dalam krisis berbanding kejatuhan 1998

Kejatuhan mata wang tempatan perlu diperhalusi bagi laksana langkah tepat pengukuhan

BH
29/2

Oleh Alzahrin Alias
zahrin@bh.com.my

Pergerakan ringgit ketika ini menunjukkan mata wang itu bukan berada dalam krisis berbanding kejatuhan pada 1998 yang lalu.

Penganalisis Ekonomi, Profesor Tan Sri Noor Azlan Ghazali, walau bagaimanapun berkata kejatuhan mata wang tempatan itu perlu diperhalusi secara menyeluruh bagi memastikan langkah tepat pengukuhan dapat dilaksanakan.

Beliau yang juga Pengarah Institut Pembangunan dan Kemajuan Inklusif Malaysia, Uni-

versi Kebangsaan Malaysia (Minda-UKM) berkata, carta menunjukkan bahawa terdapat elemen lain yang mempengaruhi nilai ringgit selain kenaikan kadar faedah Amerika Syarikat (AS) dan kelembapan ekonomi global.

Justeru, katanya selain Bank Negara Malaysia (BNM), kerajaan juga perlu memainkan peranan penting dalam mentafsir situasi yang berlaku kepada ringgit.

"Sewajarnya kita perlu memberi perhatian ke atas asas ekonomi negara dan tidak hanya menumpu kepada perubahan di AS dan ekonomi global sebagai penyebab kepada penyusutan ringgit.

"Daya saing negara jelas semakin menurun. Berdasarkan penarafan daya saing global International Institute for Management Development (IMD), Malaysia kini di berada ditangga ke-27 di dunia daripada 63 negara, lebih rendah berbanding 10 tahun yang lalu di tangga ke-15 (2013).

"Walau apa pun hujah kita, kejatuhan daya saing mengesani persepsi global terhadap ekono-

mi," katanya.

Noor Azlan berkata, Malaysia perlu segera bertindak bagi memulihkan keyakinan antarabangsa terhadap ekonomi negara dan mesti menjadi antara destinasi pelaburan global yang berkualiti.

Beliau berkata, nilai mata wang boleh terjejas dan mungkin berganjak ke julat yang lebih rendah sekiranya persepsi ini berlanjutan.

Katanya, anjakan julat pergerakan ringgit memberi petanda penting ke atas status ekonomi negara daripada persepsi masyarakat antarabangsa.

"Sejak tambatan kepada dolar AS ditamatkan pada Julai 2005, ringgit berada dalam julat RM2.90 hingga RM3.80 berbanding dolar AS selama hampir 10 tahun. Kemudian, bermula pertengahan 2015, ringgit berganjak ke julat yang lebih rendah iaitu RM3.80 hingga RM4.60.

"Sebahagian besar penganalisis hanya melihat kepada pergerakan harian yang tertumpu kepada aliran keluar masuk pelaburan jangka pendek, khususnya dalam pasaran kewangan.

Namun pergerakan jangka panjang nilai ringgit jarang dibincangkan," katanya.

Galakkan aliran masuk

Sementara itu, penganalisis ekonomi UniKL Business School, Prof Madya Dr Aimi Zulhazmi Abdul Rashid berkata, langkah BNM menggalakkan aliran masuk yang berterusan ke dalam pasaran pertukaran asing berupaya menguatkan nilai ringgit.

Beliau berkata, BNM sangat memerlukan kerjasama syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) untuk menukarkan pegangan mata wang asing sama ada hasil pelaburan mahupun hasil eksport kepada ringgit, yang mampu menghentikan penurunan nilai mata wang tempatan pada ketika ini.

Katanya, perbincangan bersama perlu dilakukan kerana semua kepimpinan tertinggi GLC dan GLIC terikat dengan mencapai sasaran utama KPI iaitu membuat keuntungan yang terbaik seperti yang disasarkan kerajaan sebagai pemegang taruh.

"Keuntungan daripada pertukaran mata wang asing adalah antara sumber penting kepada pencapaian sasaran keuntungan masing-masing.

"Justeru, dengan mendapat persetujuan BNM, GLIC dan GLC, maka ia dapat diketengahkan kepada kerajaan untuk kelulusan yang seimbang dalam bentuk menang-menang, dengan sasaran keuntungan boleh dicapai dan ringgit boleh diperkuatkan semula," katanya.

Aimi Zulhazmi berkata, strategi juga boleh disusun untuk menarik pelaburan ke dalam negara berbanding strategi melabur di luar negara oleh GLC dan GLIC.

Beliau berkata, rangkaian yang dimiliki oleh GLC dan GLIC juga boleh dipergunakan untuk menyokong usaha menguatkan ringgit termasuklah pemegang taruh seperti vendor, pembekal, pelanggan yang mempunyai hubungan langsung yang kuat.

"Ini adalah langkah strategik BNM dalam usaha menguatkan nilai ringgit dan bukan hanya melaksanakan dasar monetari," katanya.

BERITA HARIAN
Tarikh.....29 FEB 2024.....

Pakar jangka dividen 2023 KWSP setinggi 6.5 peratus

vm 29/2

Oleh NUR NAZLINA NADZARI
ekonomiutusan@mediamula.com.my

PETALING JAYA: Pakar-pakar ekonomi sepakat dengan menjangkakan kadar dividen Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) 2023 lebih tinggi berbanding 2022.

Malah ada pakar ekonomi yang menjangkakan dividen KWSP 2023 boleh mencapai setinggi 6.5 peratus, mengambil kira prestasi dana pencen itu sepanjang tahun lalu.

KWSP dijadual akan mengumumkan prestasi kewangan dan kadar dividen 2023 pada Ahad ini.

Rekod di laman web KWSP menunjukkan, dividen paling tinggi pernah diberikan adalah sebanyak 8.5 peratus iaitu dari 1983 hingga 1987.

Tahun lalu, dana pencen terbesar negara itu mengumumkan dividen 2022 sebanyak 5.35 peratus untuk simpanan Konvensional dan 4.75 peratus bagi simpanan Syariah.

Penganalisis Ekonomi UniKL Business School, Prof. Madya Dr. Aimi Zulhazmi Abdul Rashid menjangkakan kadar dividen 2023 KWSP antara 5.5 hingga 6.5



KWSP dijangka catat hasil pelaburan lebih baik 2023, untuk membolehkan agihan dividen yang lebih tinggi. - GAMBAR HIASAN

peratus didorong oleh prestasi KWSP yang baik untuk setiap suku 2023 dan ekonomi Malaysia juga terus berkembang tahun lalu.

Selain itu katanya, ia turut didorong oleh ekonomi domestik yang memberikan petunjuk bahawa tahun ini KWSP bakal memberikan dividen yang lebih baik dari tahun sebelumnya.

"Tambahan lagi, pergerakan

pengurusan kanan KWSP berpindah memegang portfolio yang lebih besar di Kementerian Kewangan dan Jabatan Perdana Menteri pada akhir tahun juga memberikan petunjuk kecemerlangan pengurusan KWSP yang telah menarik perhatian pucuk pimpinan negara," jelasnya kepada *Utusan Malaysia*.

Pakar ekonomi, Prof. Emeritus Dr. Barjoiy Bardai pula

berkata, KWSP dijangka menunjukkan prestasi yang lebih baik bagi 2023 kerana mempunyai banyak pelaburan di luar negara dan pulangan apabila ditukarkan kepada ringgit akan menjadi lebih tinggi.

"Jadi, KWSP berupaya untuk bayar dividen lebih tinggi sehingga enam peratus bagi 2023. Bagaimanapun, KWSP tidak mempunyai tekanan untuk berbuat demikian kerana keuntungan tersebut boleh disimpan untuk 2024 yang juga dianggap mencabar.

"Ekonomi negara kini berada dalam pusingan ekonomi yang sedang meningkat dan mungkin akan mencapai pulangan lebih tinggi apabila memuncak pada 2025 dan 2026," katanya.

Pensyarah Ekonomi Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Prof. Dr. Mohamed Aslam Mohamed Haneef turut menjangkakan kadar dividen KWSP yang lebih tinggi untuk 2023 bagi kedua-dua simpanan Konvensional dan Syariah.

"KWSP sentiasa menjadi penanda aras kepada pulangan pelaburan kerana memang cekap mengurus dan juga mempunyai pelaburan yang baik di luar

negara.

"Bagi 2024 pula, sukar untuk membuat ramalan, tapi mungkin lebih tinggi dari 2023," ujarnya.

Pada November tahun lalu, KWSP mengumumkan merekodkan jumlah pendapatan pelaburan sebanyak RM47.86 bilion untuk sembilan bulan berakhir 30 September 2023 (9B 2023), meningkat 33 peratus daripada RM36.04 bilion yang dicatatkan dalam tempoh yang sama pada 2022.

Menurut KWSP, jumlah itu selepas mengambil kira turun nilai kos atas ekuiti tersenarai yang direkodkan untuk suku tersebut.

Jelasnya, daripada RM47.86 bilion itu, sebanyak RM4.62 bilion dijana daripada keuntungan mark-to-market (MTM) sekuriti yang belum direalisasikan. Keuntungan MTM disumbangkan oleh turun naik pertukaran matawang asing.

Jumlah pendapatan pelaburan bagi suku ketiga (S3 2023) berakhir 30 September 2023 pula adalah RM14.67 bilion selepas mengambil kira turun nilai kos, peningkatan sebanyak RM2.38 bilion daripada RM12.29 bilion yang dicatatkan pada suku sama 2022.

UTUSAN MALAYSIA
Tarikh: ...2..9 FEB 2024

Tempoh bertenang sebelum laksana skim tanpa pencen

UM 29/2



TEMPOH bertenang membolehkan kakitangan berstatus kontrak diserap ke jawatan tetap yang membolehkan golongan ini memilih skim pencen demi kelangsungan selepas bersara. — UTUSAN/FAISOL MUSTAFA

“Peluang seperti ini perlu diberikan kepada mereka agar mereka dapat bekerja dengan lebih baik, bermotivasi tinggi dan dapat mencurahkan tenaga yang lebih produktif dan berkualiti kepada sektor awam.”

bekerja melebihi 10 tahun meskipun berstatus kontrak. Pengumuman penghapusan skim pencen juga memberi kesan negatif terhadap motivasi kerja mereka. Inilah yang perlu diteliti oleh kerajaan agar nasib golongan ini lebih terbela.

Hal ini kerana mereka ini sentiasa melaksanakan kerja dengan sangat memuaskan. Jika tidak, mana mungkin kontrak kerja mereka diperbaharui setiap kali

sebelum tamat tempoh kontrak.

Ada dalam kalangan mereka pernah bertugas dalam pelbagai jabatan. Ini menggambarkan betapa banyaknya pengalaman mereka dalam pelbagai skop kerja dalam sektor awam.

Tidak diketahui secara tepat kenapakah sampai sekarang masih belum berstatus tetap walhal dengan pengalaman dalam pelbagai jabatan, setia dengan sektor awam dan memiliki prestasi kerja yang sangat baik, mereka masih tertunggu-tunggu berita dan berharap agar satu hari nanti status kontrak mereka bertukar menjadi tetap.

ADIL

Justeru, dalam hal ini, kerajaan perlu ada mekanisme terbaik agar situasi yang adil dan menang-menang dapat dicapai buat semua pihak. Dengan kata mudah, selain perlu adil dengan keupayaan kewangan kerajaan, perlu juga adil dengan nasib para pekerja sektor awam yang berstatus kontrak terutamanya yang sudah bekerja dengan begitu lama.

Secara khususnya, saya ingin mencadangkan agar kerajaan mewujudkan tempoh

bertenang (*cooling-off period*) sebelum kerajaan benar-benar ingin melaksanakan skim tanpa pencen dalam sektor awam.

Tempoh bertenang ini boleh ditetapkan dalam tempoh yang mencukupi supaya mereka yang masih berstatus kontrak dapat diserap sebagai kakitangan tetap. Masa yang sesuai untuk tempoh bertenang ini juga mencukupi untuk mereka memilih skim pencen setelah disahkan jawatan.

Dalam tempoh bertenang ini, semua penjawat awam yang berstatus kontrak terutamanya yang bekerja melebihi lima tahun diserapkan sebagai kakitangan awam berstatus tetap.

Mereka juga perlu diberi peluang yang adil untuk diserapkan sebagai kakitangan awam berstatus tetap jika sekiranya kerajaan memutuskan skim pencen diteruskan pada masa akan datang.

Peluang seperti ini perlu diberikan kepada mereka agar mereka dapat bekerja dengan lebih baik, bermotivasi tinggi dan dapat mencurahkan tenaga yang lebih produktif dan berkualiti kepada sektor awam.

Sayugia diingatkan bahawa jaminan pekerjaan bagi pekerja kontrak dalam sektor awam ini sangatlah penting kerana umum mengetahui bahawa Malaysia akan menjadi negara tua pada masa akan datang. Ini bermakna lebih ramai rakyat yang bergelar warga emas tidak lama lagi.

Maka, dalam konteks ini, jika ada dalam kalangan mereka yang berstatus kontrak dan tidak memiliki pencen, maka bagaimana mungkin mereka dapat menempuh cabaran kewangan dengan baik tatkala usia tua nanti.

Bayangkan jumlah mereka ini ramai pada masa akan datang, maka dengan itu akan timbul pula isu-isu sosial lain yang menjejaskan kualiti kehidupan mereka dan secara tidak langsung memberi kesan tidak baik terhadap Malaysia.

Justeru, isu kakitangan kontrak dalam sektor awam perlu ditangani sebaik mungkin agar dapat memberi kebaikan kepada semua pihak yang terlibat.

PROFESOR Madya Dr. Rohani Shafie ialah Pensyarah Pusat Pengajian Perakaunan Tunku Puteri Intan Safinaz (TISSA) Kolej Perniagaan (COB) Universiti Utara Malaysia (UUM).

UTUSAN MALAYSIA
Tarikh:29.FEB.2024



KAJIAN Skim Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) dipercepat dalam tempoh dua bulan adalah demi kesejahteraan rakyat seluruhnya.

um 29/2

Kajian Skim Saraan perlu ambil kira semua aspek

SAUDARA PENGARANG,

SAYA menzahirkan ucapan penghargaan dan setinggi-tinggi terima kasih kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang mengarahkan Kajian Skim Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) dipercepat dalam tempoh dua bulan sebelum diangkat ke Mesyuarat Kabinet. Beliau tidak mahu penyediaan laporan itu diperlembah lagi kerana kali terakhir disemak adalah 12 tahun lalu.

Input-input daripada pihak kesatuan sekerja seperti skim gaji progresif boleh diambil kira untuk dipertimbangkan.

Sementara itu usaha reformasi penyampaian perkhidmatan awam perlu dipercepat demi kesejahteraan rakyat seluruhnya.

Mesyuarat-mesyuarat yang diadakan perlu dipendekkan masanya, ia perlu berteras *outcome* dan impak tinggi kepada rakyat di akar umbi. Majlis-majlis peluncuran rasmi dicadang dibuat ringkas mungkin dengan implikasi kewangan yang minimum.

Kerenah birokrasi perlu dihapus termasuk mengkaji peraturan lapuk bagi mengelakkan kelewatan dan kecacatan dalam sistem penyampaian awam agar lebih telus dan berintegriti.

Program turun padang perlu ditingkatkan

supaya ketua perkhidmatan dapat mengesan masalah rakyat secara *hands on* atau *first hand information*.

Skim perkhidmatan yang didominasi suatu skim unggul hingga menduduki hierarki tertinggi perlu diperhalusi semula. Begitu juga aspek latihan dan kemahiran baharu seperti kecerdasan buatan (AI), internet benda (IoT) dan analitik data perlu diperkasa dalam kalangan penjawat awam.

Warga perkhidmatan awam sentiasa menyedari kemampuan kewangan kerajaan dalam mereformasi skim saraan baharu akibat kenaikan kos hidup setelah 12 tahun diabaikan, justeru pendekatan baharu perlu dicari sebagai langkah penjimatan agar tidak berlaku ketirisan sumber kewangan kerajaan, seperti mewajibkan penjawat awam mempunyai polisi insurans hayat serta mewujudkan skim pelaburan.

Kerajaan dicadang membina kuarters kos rendah di peringkat daerah secara sewa beli bagi memenuhi keperluan penjawat awam yang berkhidmat di daerah dan susun semua kompleks kediaman kakitangan bagi mengurangkan peningkatan kos kehidupan selain memberi kaunseling kepada penjawat awam yang bercerai agar tidak menjejaskan prestasi kerja.

YOSRI ABU MAHSIN
Ipol, Perak

UTUSAN MALAYSIA
Tarikh: 29 FEB 2024

SST: Kerajaan bincang cadangan kecualikan bil air, elektrik

KUALA LUMPUR: Kerajaan akan meneliti cadangan pengecualian kenaikan cukai jualan dan perkhidmatan (SST) ke atas bil air dan elektrik.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof bagaimanapun berkata, tiada keputusan muktamad berhubung saranan itu setakat ini.

"Belum ada tarikh khusus (untuk bincang), tetapi Kementerian Kewangan sedang melihat secara keseluruhan," katanya kepada pemberita, di sini.

Semalam, Ahli Parlimen Ayer Hitam, Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong dalam sidang Dewan Rakyat merayu kerajaan mengecualikan kenaikan kadar SST bagi elektrik dan air.

Menurut beliau, kadar SST bagi elektrik dan air patut dikekalkan sama seperti sektor makanan dan minuman (F&B), tempat letak kereta dan telekomunikasi.

Sebelum ini, cadangan bil air dan elektrik dikecualikan kenaikan lapan peratus SST dilaporkan akan dibawa untuk pertimba-



Belum ada tarikh khusus (untuk bincang), tetapi Kementerian Kewangan sedang melihat secara keseluruhan."

FADILLAH YUSOF

ngan Majlis Tindakan Sara Hidup (Naccol).

Dilaporkan, kerajaan sedang melihat impak dan kesan kenaikan SST yang bermula bulan depan.

Terdahulu, Fadillah yang juga Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air menyaksikan majlis menandatangani perjanjian pembiayaan bernilai RM91.5 juta antara Bank Islam Malaysia Berhad (Bank Islam)

dengan Sand Town Solar Sdn Bhd (STS) di sebuah hotel hari ini.

STS merupakan anak syarikat milik penuh Kumpulan Gading Kencana Sdn Bhd (GKSB), sebuah syarikat perkhidmatan tenaga boleh baharu termasuk dalam rekaan dan pemasangan sistem fotovolt solar, pemasangan dan penyelenggaraan sistem elektrik serta sistem pengurusan tenaga.

Pembiayaan daripada Bank Islam itu dimanfaatkan bagi memenuhi perbelanjaan modal yang diperlukan STS termasuk pembiayaan semula tanah dan kos pembangunan bagi projek ladang fotovolt solar berkapasiti 29.99 megawatt (MW) di Bidor, Perak.

Pemeteraian perjanjian disempurnakan oleh Pengarah, Penyelesaian Pelanggan Komersial, Perbankan Institusi Bank Islam, Ahmad Haliman Abd Halim, dengan Pengarah Urusan Kumpulan GKSB, Datuk (Dr) Ir. Muhammad Guntor Mansor To-beng.

UTUSAN MALAYSIA

Tarikh: 29 FEB 2024

Royal reprimand

The case against lazy and negligent Selangor civil servants

29/2/24
NS

THERE must be something rotten in the civil service in Selangor for it to receive a royal reprimand. Sultan Sharafuddin Idris Shah, who was speaking at the opening of the Second Session of the 15th State Legislative Assembly in Shah Alam, named two traits — laziness and negligence — that are hindering the civil service from serving the public in the state. The ruler is right. What good is the civil service if it doesn't serve the people? Success will not come to the service if it doesn't deliver what the people need when they need it. Do some in the civil service in the state not see the importance of serving the people? It is called public service for a reason. We do not know the exact size of the civil service in Selangor, but we can say one thing about it. It is an engine that powers the government of Selangor. The menteri besar and his lawmakers can do all the planning they want, but the plans will not bear fruit if just a few civil servants stand in the way. This is not to say that the Selangor civil service has no able public servants. It mostly does. To continue the machine metaphor, if just a bolt should be loose, or a nut is in the wrong place, then the power of the Selangor government will be reduced that much. Read "loose bolt" and "wrongly placed nut" as the "lazy" and "negligent" civil servants, the target of the royal reprimand. And the people of Selangor will be that much poorer.

What is worse, Selangor's loss is Malaysia's loss, too, as the state is the highest contributor to the country's economic development. With the exception of Myanmar, which is mired in military-made misery, our Asean neighbours are

“This is not to say that the Selangor civil service has no able public servants. It mostly does.”

racing away to another economic galaxy. Why aren't we part of this universe? To a large extent, this is due to a far more robust civil service in our neighbouring countries. There, the civil servants help turn development plans of their presidents or prime ministers and their cabinet members into action. Not that they don't have lazy and negligent civil servants. They do. But there, the lazy and negligent can't linger for long. They get rid of them expeditiously.

Our civil service must do the same, but in a just manner. It never hurts to be just. Some may suggest the secret is in the numbers, quoting our neighbours' per capita statistics. Here is a rhetorical question. If we reduce our civil service by half, to that of Britain's, would Malaysia be as developed as it is? Per capita figures are never the full story.

But still, some basic questions need to be asked of the Selangor civil service and the national one. Does bureaucracy of the civil service breed negligence and laziness? If being bureaucratic means being stringent, then that must be encouraged. But if bureaucracy means projects must be delayed, then that aspect of the bureaucracy and the bureaucrats must go. Of late another concern is emerging: unhappy relations between civil servants and their ministers. Both must work to stop this unwelcome erosion. Candid advice — a necessity for bringing the nation forward — won't be forthcoming if unhappy relations exist between the two.

NEW STRAITS TIMES

Tarikh: 2.9 FEB 2024.....

DENGUE cases in just the first five weeks of this year stood at 18,247, up by 65.6 per cent compared with the same period in 2023, according to data compiled by the Health Ministry.

The Klang Valley showed a significant surge in cases with a 72.8 per cent increase in Kuala Lumpur and 69.9 per cent increase in Selangor.

As much as prevention is necessary in terms of destroying mosquito breeding sites, dengue also calls for early detection.

Dismissing the disease's early symptoms can lead to rapid deterioration and even death.

Among the warning signs are abdominal pain, persistent vomiting and diarrhoea (over three times a day), drowsiness, difficulty breathing, spontaneous bleeding from the gums or nose and black-coloured stools.

Other primary symptoms of dengue fever are headache, generalised body aches, rashes and pain behind the eye.

Though these symptoms might resemble common illnesses like the flu, dengue fever is often accompanied by more severe muscle and joint pain and can progress to severe complications like dengue hemorrhagic fever (DHF) or dengue shock syndrome (DSS), explains Sunway

Don't defer dengue treatment

Medical Centre emergency physician Dr Aaron Lai Kuo Huo.

Early detection facilitates prompt treatment and mitigates the risk of further complications, he adds.

"DHF and DSS are characterised by severe internal bleeding, low platelet counts, plasma leakage, and organ impairment."

The typical diagnostic process for dengue fever involves a combination of clinical assessment and



Sunway Medical Centre emergency physician Dr Aaron Lai Kuo Huo says early detection facilitates prompt treatment and mitigates the risk of further complications.

laboratory tests. The doctor would initially assess the patient's symptoms commonly associated with dengue fever and whether the patient is staying in dengue-endemic areas or recently travelled to dengue outbreak regions.

Additionally, the doctor would examine the patient's haemodynamic status and check for signs of bleeding complications of dengue.

As clinical diagnosis of dengue lacks specificity, a definitive diagnosis of dengue requires laboratory confirmation.

"Through clinical assessment and laboratory testing, the doctor can ascertain the likelihood of dengue infection, the phase of infection and severity of the illness," explains Dr Lai.

STAGES OF DENGUE

The Febrile Phase comprises fever that lasts three to five days where the patient experiences fever, joint pain, muscle pain, headache and other symptoms.

The first notable change in the complete blood count is a progressive decrease in total white cell count,

Heal

By Meera Murugesan



It's crucial to keep mosquitoes at bay. PICTURE CREDIT: JCOMP — FREEPIK.

which is then followed by a reduction in platelet levels.

Dr Lai says subsequently, the patient may enter the Critical Phase which could last between 48 and 72 hours.

During this stage, the patient may experience varying circulatory disturbances. In severe cases, the patient will exhibit serious complications such as internal bleeding, water retention in the lungs or stomach, low blood pressure or kidney and liver failure, and may even die.

Following the Critical Stage, the patient will go through the Recovery Phase where dengue symptoms dissipate while blood platelets and white blood cells return to normal count.

"It's paramount that patients infected with dengue be referred to healthcare facilities for accurate diagnosis and right treatment."

Dr Lai adds that climate factors such as temperature and rainfall pat-

terns play a significant role in the transmission dynamics of dengue in Malaysia.

Warmer temperatures and increased rainfall create favourable conditions for mosquito breeding and viral replication, leading to higher transmission rates.

As for mitigation measures, especially for those living in high risk areas, he recommends the use of mosquito repellents containing diethyltoluamide (DEET), sleeping under mosquito nets or putting up mosquito screens at doors and windows.

"Eliminating stagnant water sources is also crucial as these could turn into mosquito breeding grounds."

Wearing long-sleeved clothing to prevent mosquito bites and maintaining general cleanliness in our living environment also helps.

meera@nst.com.my



The Febrile Phase comprises fever that lasts three to five days where the patient experiences fever, joint pain, muscle pain, headache and other symptoms. PICTURE CREDIT: JCOMP — FREEPIK.

NEW STRAITS TIMES

Tarikh: